

13 DEC 2000

Shahidan-Suqiu

SUQIU PERLU BERSIKAP SEDERHANA, KATA SHAHIDAN

KANGAR, 13 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim meminta Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) bersikap sederhana demi masa depan negara ini.

Beliau kesal dengan sikap Suqiu yang masih enggan menarik balik 83 tuntutannya terhadap kerajaan yang boleh menimbulkan keresahan rakyat berbilang kaum.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir baru-baru ini menyelar Suqiu dengan menyifatkan bahawa tuntutan mereka, jika dipenuhi boleh menjejaskan keamanan dan kemajuan negara.

Shahidan berkata, sebelum ini kerajaan banyak bertolak ansur kepada semua kaum di negara ini malah suatu ketika bangsa Melayu turut mengorbankan hak mereka untuk kaum lain.

Menurutnya, sejarah membuktikan bahawa perkara 17 dan 153 Perlembagaan Persekutuan iaitu mengenai kelonggaran menjadi warganegara serta hak istimewa orang Melayu saling berkait.

"Pada 1957, orang Melayu sanggup mengorbankan dominasi mereka dengan membenarkan orang Cina diberi kerakyatan .. ini satu pengorbanan," kata beliau ketika ditemui di pejabatnya di sini hari ini.

Menurutnya, pengorbanan bangsa Melayu itu telah dibalas oleh kerajaan dengan mewujudkan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan iaitu mengenai hak istimewa orang Melayu.

Shahidan berkata, orang Cina telah memperolehi hak mereka di negara ini malah mereka telah jauh mendahului bangsa Melayu dalam bidang ekonomi.

-- BERNAMA

AD FAZ